



# PENGGUNAAN PERISIAN MAKATABAH SYAMILAH DALAM MENINGKATKAN MINAT PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN HADITH: SATU TINJAUAN

(The Use of Maktabah Syamilah Software in Increasing Students' Interest of Learning Hadith: A Survey)

Zainora binti Daud<sup>1</sup>, Rabaatul Adawiyah Junus<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

*Hadith is the premier source in Islam after the Quran. It is a supporter, reinforcer and mubayyin of the verses of the Quran as well as the support of Islamic jurisprudence. However, the traditional hadith learning nature required a long time to find and refer to hadith books either physically or virtually. The world changes towards the era of digitization or the era of media technology, teaching and learning aids in Islamic studies have innovated several interactive, flexible and effective mediums, especially to find reference sources such as Maktabah Syamilah software. Therefore, the objective of this study is to identify the use of Maktabah Syamilah software in increasing students' interest in learning hadith. This study uses a survey based on a set of questionnaire instruments of data collection method that has been distributed to 132 final year students, Faculty of Quran and Sunnah Studies, USIM. The results show that the usage of Maktabah Syamilah software can increase students' interest in learning hadith because it very friendly usage. In conclusion, the use of technology in learning could support and help students to improve in mastering their studies.*

**Kata Kunci:** Maktabah Syamilah Software, Interest, Student

## Article Progress

Received: 29 August 2023

Revised: 10 September 2023

Accepted: 21 October 2023

\*Corresponding Author:

Zainora binti Daud.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:

[zainora@usim.edu.my](mailto:zainora@usim.edu.my)

## PENDAHULUAN

Hadith memainkan peranan yang sangat penting dalam memperincikan nas-nas al-Quran secara umum atau secara mutlak. Ini jelas dibuktikan semenjak zaman Rasulullah SAW lagi sebagai utusan Allah SWT, yang telah diwahyukan al-Quran kepadanya. Baginda SAW juga ditaklifkan untuk menyampaikan serta menjelaskan apa yang terkandung dalam al-Quran (Al-Siba'i, 2003). Sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 44, surah al-Nahl:

﴿بِالْبَيِّنَاتِ وَالرُّحْمَٰنِ وَأَنَّا إِلَيْكَ الْمُذَكَّرُ بِشَيْءٍ لِّلَّٰهِ مَا تُرِكَ إِلَّٰهٗ مَوْلَٰهُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: (Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya. (Al-Nahl, 44).

Definisi hadith dari aspek bahasa ialah sesuatu yang baharu. Manakala dari aspek istilah iaitu segala yang disandarkan kepada Nabi SAW dari aspek perkataan, perbuatan, taqrir dan sifat (Al-Tahhan, 1987).

Kewajipan mentaati segala perintah Rasulullah SAW juga dikombinasikan selepas suruhan mentaati Allah SWT dalam ayat al-Quran (al-Tahhan, 1987), Walaupun ayat 131, surah ali Imran menekankan tentang larangan mengamalkan riba, diikuti dengan ayat 132, surah ali Imran yang menjelaskan perintah taat dan patuh kepada Allah SWT dan Rasul-Nya agar Allah SWT merahmati mereka di dunia dengan mengurniakan keadaan yang baik serta menganjari pahala ke atas segala amalan baik mereka di akhirat (Al-Zuhaili, 2003). Ini jelas menunjukkan suruhan Allah mentaatiNya dan RasulNya diamanahkan kepada setiap mukmin agar

terhindar dari azab api neraka. Sebagaimana firman Allah dalam surah Ali Imran:

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ﴾

Maksudnya: Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat. (Ali Imran, 132)

Bahkan terakam indah dalam sabda Rasulullah SAW berkaitan peranan al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan manusia iaitu:

﴿تَرْكُثُ فِينَكُمْ أَمْرَنِينِ، لَنْ تَضْلُّوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِما: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُسْنَةَ نَبِيِّهِ﴾

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW).” [Riwayat Malik (1594)]

Ilmu hadith terbahagi kepada dua kategori iaitu ilmu Hadith riwayah yang membincangkan semua yang disandarkan kepada perbuatan, perkataan, pengakuan dan sifat Rasulullah SAW. Manakala ilmu hadith dirayah ialah mengetahui keadaan sanad dan matan sama ada diterima atau ditolak. Para ulama juga menamakan ilmu hadith dirayah dengan nama Ulum al-Hadith, Usul al-Hadith dan Mustalah al-Hadith. Hadith atau sunnah dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu isnad dan matan. Isnad merujuk kepada pihak yang menyampaikan hadith Nabi Muhammad SAW, sedangkan matan adalah tekstual hadith yang asal daripada baginda SAW dari segi ucapan, perbuatan dan persetujuan (Al-Khatib, 1989).

Apabila diselusuri sejarah perkembangan hadith pada zaman Rasulullah SAW, Baginda berperanan sebagai pendidik, hakim, qadi, mufti dan pemimpin dalam kalangan umatnya. Segala persoalan yang berkaitan dengan umatnya samada secara individu atau kelompok masyarakat dalam segala aspek kehidupan dunia dan akhirat yang tidak diperincikan dalam al-Quran akan dijelaskan dalam Sunnah samada aspek perbuatan, perkataan dan taqrir (al-Khatib, 1989).

Keprihatinan para sahabat sebagai orang yang paling akrab dengan Rasulullah SAW dalam pergaulan sehari-hari samada di masjid, pasar, rumah dan perjalanan sehingga segala tutur kata, tingkah laku menjadi fokus utama dan sandaran dalam kehidupan mereka (al-Sibai'i, 2003), juga menyumbang dalam histori perkembangan hadith. Lantaran itu, kegigihan para sahabat mempelajari hadith boleh dikategorikan dalam tiga kaedah iaitu menghafal, mencatat dan mengamalkannya (Rosmawati Ali & Mat Zin, 1997).

Perkembangan Islam semakin pesat pada zaman tabiin sehingga mencetuskan perselisihan dalam kalangan umat Islam dan kesannya muncul pelbagai puak dan aliran mazhab. Situasi ini menyebabkan hadith palsu turut tersebar sehingga para ulama hadith berusaha mengambil satu inisiatif untuk menyelidiki sesuatu status hadith supaya mengelakkan hadith palsu tersebar, antara muhaddith yang terkenal iaitu al-Syihab al-Zuhri. Khalifah Umar Abdul Aziz merupakan orang pertama yang dikesan merintis usaha-usaha menulis, mencatat dan mengumpulkan hadith dalam bentuk kitab (Rosmawati Ali & Mat Zin, 1997). Seterusnya, pada awal abad kedua hijrah corak penyusunan hadith telah bertukar daripada bentuk pengumpulan semata-mata kepada penyusunan secara bab-bab sehingga dikumpulkan menjadi musannaf dan seterusnya menghasilkan kitab-kitab sahih (Ariffin Omar, 2000).

Sehubungan dengan itu jelas menunjukkan bahawa sistem pengajian Islam dilaksanakan dalam bentuk turathi dengan mementingkan disiplin ilmu dan nilai-nilai piawaian yang tinggi. Dewasa ini, corak pengajian hadith kian berkembang, sejajar dengan kesan globalisasi dan ledakan multimedia fusion, sistem pembelajaran turut berubah tetapi pada aspek bahan bantu mengajar yang diinovasikan dengan lebih infomatif, mesra kegunaan dan menjimatkan kos serta masa.

Kepelbagai cara dan teknik penyampaian telah digunakan oleh para guru bagi menyampaikan tentang hadith ini kepada masyarakat. Kesedaran yang tinggi penting dan perlu wujud dalam kalangan masyarakat untuk mempelajari hadith sebagai sumber rujukan dalam sesuatu isu bagi mengelakkan penyebaran hadith palsu. Kewujudan pusat pengajian hadith juga menjadi salah satu tempat untuk mendidik jiwa masyarakat

dalam menerapkan elemen-elemen Sunnah dalam kehidupan (Amran Abd Halim, et.al, 2020).

Justeru, artikel ini dikongsikan untuk meninjau dan mengkaji tahap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran hadith. Menurut Zawiyah M Yusof & Masnizah Mohd, (2002) bahawa perpustakaan digital sangat signifikan kerana ia merupakan satu koleksi maklumat yang besar dan teratur yang telah didigitalkan dalam pelbagai bentuk yang membenarkan capaian maklumat bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dalam konsep rangkaian komunikasi global serta penggunaan teknologi maklumat yang optimum. Bahkan Asmadi Sakat & Mohd Fauzi Mohd Amin, (2007) menyatakan bahawa dalam bidang pengajian Hadith juga mengalami perubahan dari aspek pencarian data-datanya melalui penggunaan teknologi sama ada computer, CD atau secara online. Ini memberi kesan yang positif bagi para pengkaji atau pelajar dalam bidang hadith. Contoh program hadith berkomputer al-Mausu'ah al-Zahabi, Jawami' al-Kalim dan sebagainya memudahkan para pengkaji untuk menjelajahi ribuan Hadith dan menjimatkan masa.

## **PERISIAN MAKTABAH SYAMILAH**

Maktabah Syamilah bermaksud perpustakaan komprehensif yang menyediakan penyelidikan digital secara percuma kepada semua para akademik Islam. (Al-Maktabah al-Syamilah, 2020). Maktabah Syamilah juga sebuah perpustakaan digital dalam bahasa Arab yang mengandungi 5300 buku mengenai pelbagai ilmu pengetahuan Islam yang disusun mengikut kategori dan kad pengenalan yang sesuai untuk buku dan pengarang (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009).


Beberapa ciri dalam Maktabah Syamilah ialah kemampuan dalam pencarian yang lebih dinamik, termasuk memilih buku tunggal atau berbilang untuk dicari, mencari tajuk buku, mencari dalam buku, mencari pengarang, dan mencari berbilang perkataan sama ada "dan" atau menggunakan kriteria "atau", kemampuan untuk mengedit buku, menanda buku lokasi kegemaran, membuka pelbagai buku dalam masa yang sama, mengalih keluar atau menyimpan *tasykil* (tanda baca bahasa Arab) daripada teks (apabila tersedia), dan untuk mengaitkan buku *Syarh* (komentar) dengan matan masing-masing (teks - apabila tersedia), kemampuan untuk menukar imej latar belakang aplikasi, dan menukar dan warna pelbagai peringkat teks dan latar belakang dalam perisian (cth. teks utama, ulasan, tajuk, nota kaki), keupayaan untuk mengekspor buku ke fail HTML, dokumen fail (memerlukan Microsoft Word pada peranti dan dokumen fail (memerlukan versi kosong perpustakaan) dengan pelbagai pilihan eksport dan keupayaan untuk mengemas kini perpustakaan dan memuat turun buku baharu dari dalam perisian (Al-Maktabah al-Syamilah, 2009).



Seiring dengan perkembangan pendigitalan pada abad ke-20, terdapat era peralihan penggunaan perpustakaan daripada bentuk cetakan kepada bentuk digital dan *e-book* yang mudah diakses semasa mencari buku dan jurnal. Perpustakaan digital terus berkembang dengan kemajuan teknologi, dan ciri-

cirinya terus ditambah baik. Satu percubaan telah dilakukan dengan memasukkan Sistem Perpustakaan Bersepadu (ILS) ke dalam Perpustakaan Sistem Pengurusan (LMS) dan memajukannya ke Platform Perkhidmatan Perpustakaan (LSP) (Asnil, 2021).

Maktabah Syamilah juga boleh diakses dengan dua kaedah iaitu melakukan kaedah muat turun melalui aplikasi atau menyalin daripada CD Maktabah Syamilah atau membuka laman web maktabah syamilah secara maya melalui laman sesawangnya iaitu [www.shamela.ws](http://www.shamela.ws).




Maktabah Syamilah secara maya mengandungi 7 juta halaman, 8 ribu kitab dan 3 ribu penulis. Pada bahagian muka depannya memaparkan halaman utama, kategori bidang yang mengandungi 40 fail, rujukan nama pengarang yang boleh dicari melalui tahun wafatnya, abjad huruf, atau jumlah kitab, ringkasan projek secara percuma kepada pelajar, muat turun dan maklumat untuk dihubungi (al-Maktabah al-Shameela, t.t). Keseluruhan koleksi kitab-kitab hadith dalam perisian Maktabah Syamilah adalah melebihi 3,000 buah kitab.

Terdapat beberapa langkah untuk mencari hadith iaitu:


Pertama: Mengklik butang pada Maktabah Syamilah, pada ruangan yang diberikan, dikehendaki menulis perkataan atau kalimah yang berkaitan dengan Hadith yang ingin dicari.

Kedua: Pada bahagian tengah, diberi pilihan kategori sama ada dari segi tafsir, hadith, ulum Quran. Selain itu, pada bahagian terakhir diberi pilihan buku yang berkaitan dengan kategori tersebut sama ada untuk memilih beberapa kitab atau semua yang berkaitan dengan buku tersebut.



Ketiga: Untuk mencari hadith, dikehendaki menulis perkataan pada ruangan tengah dan memilih

kategori dan memilih jenis buku, klik satu atau beberapa daripada itu sehingga hasil carian akan tertera.



Keempat: Perkataan yang terdapat dalam ruangan tertentu boleh disalin selepas perkataan yang dipilih. Dan terdapat juga maklumat tentang teks, buku, bab, juzuk dan muka surat yang boleh digunakan sebagai rujukan.



Kelima: Mengklik pada bar alat untuk mengetahui lebih terperinci tentang data, buku, pengarang, semak imbas, lampiran dan pdf.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran Hadith. Rekabentuk kajian tinjauan dilaksanakan dalam penyelidikan ini dengan menggunakan instrumen soal selidik mengikut lima skala likert (Konting, 1990). Likert (1932) mencadangkan kaedah penyelidikan sikap yang lebih mudah.


Penyelidik perlu memilih set pernyataan sikap dan subjek perlu menandakan persetujuan ataupun sebaliknya terhadap setiap pernyataan sepanjang skala lima poin ataupun lebih (Azizi Yahaya, et al., 2006). Menurut Idris Awang (2009), data kuantitatif adalah data dalam bentuk angka seperti bilangan, kekerapan, pecahan dan peratusan yang dihasilkan melalui kaedah soal selidik. Sebanyak 132 pelajar tahun 4, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dengan teknik persampelan rawak mudah berjaya menjawab set soal selidik yang diedarkan mengikut jadual Krejcie and Morgan (1970). Hasil dapatan dianalisis secara kekerapan dan peratusan bagi meninjau dan mengkaji tahap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dalam meningkatkan minat terhadap pembelajaran hadith dalam kalangan responden.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar amat berminat untuk menggunakan perisian Maktabah Syamilah dalam bidang pembelajaran hadith. Ini dilihat berdasarkan carta pai 1 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi pandangan reponden terhadap pengaplikasian perpustakaan digital (MS) dalam pengajian hadith iaitu sangat setuju sebanyak 100 amat bersetuju

dengan komentar yang baik 132 orang (100%) berbanding tiada seorang responden memberi komentar yang tidak baik.

**Carta Pai 1:** Apakah pandangan anda dalam pengaplikasian Perpustakaan Digital (MS) dalam pengajian hadis.




**Jadual 1:** Persepsi Pelajar Terhadap Perisian MS dalam Pembelajaran Hadith

Item	STS	TS	TP	S	SS
Penggunaan Perisian MS dalam pembelajaran Hadith	0	1	12	59	60
Perisian MS perlu dicadangkan kepada orang lain	0	0.8%	9.1%	44.75%	45.5%
Perisian MS pilihan pertama dalam pencarian Hadith	0	2	1	50	79
	0	1.5%	0.8%	37.9%	59.8%
	0	3	5	59	65
	0	2.3%	3.8%	44.7%	49.2%

Jadual 1 di atas menunjukkan persepsi pelajar terhadap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dari aspek penggunaan perisian Maktabah Syamilah (MS) dalam pengajian hadith kalangan pelajar Tahun 4, program Pengajian Quran dan Sunnah, USIM iaitu sangat setuju sebanyak 60 orang (45.5%), setuju sebanyak 59 orang (44.75%), tidak pasti 12 orang (9.1%), tidak setuju seorang (0.8%) serta tiada pada item sangat tidak setuju.

Manakala aspek perisian MS perlu dicadangkan kepada orang lain dalam pencarian hadith iaitu sangat setuju sebanyak 79 orang (59.8%), setuju iaitu 50 orang (37.9%), tidak pasti seorang (0.8%), sangat tidak setuju 2 orang (1.5%) dan tiada pada tidak setuju. Bahkan dari aspek MS adalah pilihan utama dalam pencarian hadith iaitu sangat setuju sebanyak 65 orang (49.2%), setuju iaitu 59 orang (44.7%), tidak pasti iaitu 5 orang (3.8%), sangat tidak setuju sebanyak 3 orang (2.3%) dan tiada pada item tidak setuju.

**Carta Pai 2:** Apa yang anda tahu tentang Maktabah Syamilah Online



Carta pai 2 di atas menunjukkan pengetahuan asas berkaitan Maktabah Syamilah online iaitu item

koleksi lengkap tentang buku-buku pengajian Islam sebanyak 117 orang (88.6%), mengetahui perawi hadith sebanyak 79 orang (59.8%) dan memudahkan proses takhrij sebanyak 62 orang (47%).

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa semua pelajar amat berminat menggunakan perisian MS dengan 100% memberi komentar yang baik terhadap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dalam pengajian hadith. Bahkan 90% pelajar bersetuju bahawa Maktabah Syamilah perlu digunakan dalam pengajian hadith, perlu dijadikan pilihan sebagai alat utama dalam pencarian hadith dan MS ini juga perlu dicadangkan kepada orang lain. Ini kerana para responden bersetuju bahawa perisian MS merupakan koleksi kitab-kitab pengajian Islam, di samping mencari bahan-bahan hadith dari aspek takhrij dan periwayatan. Penyataan ini juga disokong dengan hasil temubual kalangan responden bahawa perisian MS ini memberi kemudahan dalam pencarian hadith dan proses pentakhrijan hadith sehingga meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran hadith.


Ini bertepatan dengan Ruzita Ramly (t.t) bahawa perpustakaan digital menyediakan pangkalan data yang menyediakan teks penuh bahan dengan boleh dikongsi oleh pengguna lain dalam masa yang sama serta mempercepatkan pencarian dalam masa yang singkat melalui talian, bahkan ia menjadi satu keperluan bagi generasi kini. Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) menyatakan bahawa kesemua perisian seperti SAS, R, SPSS, Mplus, HLM, Stata, Amos, SemPLS, Stat/Transfer, ATLAS.ti, MAXQDA, QSR Merge, Ethnograph, Nvivo, N6, Maktabah Syamilah dan lain-lain ini memiliki fungsi dan keistimewaan yang tersendiri sama ada dalam menganalisis data, mengumpul data, merumuskan kata atau membentuk tema dalam sorotan literasi dan dapatan kajian.

**Jadual 2:** Kekerapan Pelajar Terhadap Penggunaan Perisian MS

Item	T P	JRG	KK	K	AK
Kekerapan penggunaan Perisian MS sepanjang pengajian	0 0	14 10.6%	47 35.6%	31 23.5%	40 30.3%
Kekerapan penggunaan Perisian MS dalam satu semester	0 0	0 0	23 17.4%	32 24.2%	77 58.3%

Jadual 2 di atas menunjukkan kekerapan pelajar terhadap penggunaan perisian Maktabah Syamilah dari aspek sepanjang pengajian iaitu sebanyak 40 orang (30.3%) amat kerap, kerap sebanyak 31 orang (23.5%), kadang-kadang sebanyak 47 orang (35.6.1%), jarang-jarang sebanyak 14 orang (10.6%) dan tiada bagi item tidak pernah. Manakala aspek penggunaan MS dalam satu semester iaitu amat kerap sebanyak 77 orang (58.3%), kerap iaitu 32 orang (24.2%) dan 1kadang-kadang sebanyak 23 orang (17.4%).

Carta pai 3 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item tujuan digunakan MS iaitu sebanyak 121 orang (45.5%) untuk tugasan ilmiah, tesis sebanyak 76 orang (28.6%), ilmu pengetahuan sebanyak 64 orang (24.1%) dan lain-lain sebanyak 5 orang (1.9%).



Dari aspek penggunaan perisian MS juga dilihat semua perlajar menggunakannya dalam pengajian hadith, cuma berbeza dari aspek kekerapan, namun sebahagian besar mereka kerap menggunakannya dalam pengajian mereka khususnya yang berkaitan tugasan ilmiah dan tesis, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Ini berdasarkan keperluan yang tinggi mengikut semester pengajian dalam pencarian hadith pada tahun akhir kerana terlibat dengan latihan ilmiah dan latihan industri. Dapatkan kajian Riyana Mahtuami (2020) bahawa perisian MS sangat bermanfaat sebagai rujukan dalam tugas-tugas pengajian dan mencadangkan agar para pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran dalam pengaplikasian MS dengan mengikuti setiap pengemaskinian MS semasa ke semasa.

Bahkan Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) menegaskan bahawa majoriti pengkaji bidang pengajian Islam menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui teks daripada al-Quran, hadith, kitab dan manuskrip sebagai bahan utama dalam soroton literatur dan data dianalisis. Kesemua data-data tersebut digunakan melalui tatacara manual dan tradisional iaitu pengelasan tema dilakukan dengan teknik catatan dan rekod sebelum dikeluarkan menjadi data mentah dan dianalisis untuk memperoleh tema yang tertentu. Justeru itu, proses tersebut mengambil jumlah masa yang lama untuk menyiapkan sesuatu topik dan sub topik berkaitan kajian.

Jadual 3 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap perisian Maktabah Syamilah. Item perisian MS amat bermanfaat kepada pelajar mencatatkan 103 orang sangat setuju (78.0%), setuju 24 orang (18.2%), tidak pasti dua orang (1.5%), tidak setuju seorang (0.8%) dan sangat tidak setuju dua orang (1.5%). Item perisian MS memudahkan proses pencarian hadith mencatatkan sebanyak 43 orang (32.6%) sangat setuju, 76 orang (57.6%) bersetuju, tidak pasti 11 orang (8.3%) dan seorang (0.8%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala bagi item bahasa Arab yang digunakan dalam perisian MS mudah difahami mencatatkan 13 orang (9.8%) sangat setuju, 74 orang bersetuju (57.6%), tidak pasti 34 orang (25.8%), tidak setuju 9 orang (6.8%) dan 2 orang sangat tidak setuju (1.5%). Item font perisian MS sangat sesuai dan mudah dibaca mencatatkan 37 orang (28.0%) sangat setuju, 78 orang bersetuju (59.1%), 11 orang tidak pasti (8.3%), 4 orang tidak bersetuju (3.0%) dan 2 orang sangat tidak bersetuju (1.5%). Item saya mahir dengan ciri-ciri perisian MS mencatatkan 11 orang sangat bersetuju (8.3%), 90 orang bersetuju (68.2%), 28 orang tidak pasti (8.3%), 3 orang tidak bersetuju (2.3%) dan tiada pada sangat tidak bersetuju. Item ruangan “search keywords” amat memudahkan proses pencarian kitab mencatatkan 41 orang sangat bersetuju (31.3%), 79 orang bersetuju (59.8%), 9 orang tidak pasti (6.8%), 2 orang tidak bersetuju (1.5%) dan seorang sangat tidak bersetuju (0.8%).

**Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Perisian Maktabah Syamilah Dalam Menambahkan Minat Pembelajaran Hadith**

Item	STS	TS	TP	S	SS
Perisian Maktabah Syamilah amat bermanfaat kepada pelajar	2 1.5%	1 0.8%	2 1.5%	24 18.2%	103 78.0%
Perisian MS memudahkan proses pencarian hadith	1 0.8%	1 0.8%	11 8.3%	76 57.6%	43 32.6%

Bahasa Arab yang digunakan dalam MS mudah difahami	2 1.5%	9 6.8%	34 25.8%	74 56.1%	13 9.8%
Font perisian MS sangat sesuai dan mudah dibaca	2 1.5%	4 3.0%	11 8.3%	78 59.1%	37 28.0%
Saya amat mahir dengan ciri-ciri perisian MS	0 0%	3 2.3%	28 21.2%	90 68.2%	11 8.3%
Ruangan “Search Keywords” amat memudahkan proses pencarian kitab	1 0.8%	2 1.5%	9 6.8%	79 59.8%	41 31.1%

Majoriti para responden amat bersetuju MS amat bermanfaat kepada para pelajar, memudahkan proses pencarian hadith, font MS sangat sesuai dan mudah dibaca, item ruangan “search keywords” amat memudahkan proses pencarian kitab dan item saya mahir dengan ciri-ciri MS. Namun item bahasa Arab yang digunakan dalam MS mudah difahami mencatatkan 67.4% yang bersetuju. Ini menunjukkan tahap minat responden dalam pembelajaran Hadith berada dalam keadaan baik berdasarkan tahap kepuasan fasiliti sokongan sedia ada seperti perisian MS yang banyak membantu para pelajar.

Ini disokong dengan artikel NurAris (2015) bahawa Al-Maktabah al-Syamilah merupakan contoh paling baik sebagai satu projek *digital library* yang memiliki keunggulan dibanding dengan perpustakaan manual antara kelebihan Maktabah Syamilah adalah menyediakan fasiliti pencarian informasi yang sangat mudah, cepat dan akurat. Ini dibuktikan dengan Ruzita Ramly (t.t) bahawa seiring dengan perkembangan teknologi telah memberi kesan keperluan sosioekonomi dan budaya ilmu. sehingga tidak mungkin bagi sebuah perpustakaan mampu untuk menyimpan semua maklumat dan bahan terbitan di dunia atau negara.

Menurut Zawiyah M.Yusof & Masnizah Mohd (2002) bahawa maklumat digital, koleksi maklumat yang luas dan teratur, masa dan tempat tidak terhad serta teknologi maklumat yang optimum. Walaupun Khairul Asyraf Mohd Nathir et al., (2019) membuat kajian berkaitan penggunaan perisian ATLAS.ti dan Maktabah Syamilah, namun perisian Maktabah Syamilah khususnya dalam bidang pengajian Islam yang melibatkan penggunaan medium bahasa Arab dapat menghasilkan satu bentuk dapatan yang berkualiti tinggi dan bersistematis dengan terdapat tatacara yang membolehkan para pengguna menggunakan perisian ini secara maksimum.

Bahkan kajian Khairulasyraf et al (2019) menyatakan bahawa majoriti pengkaji bidang pengajian Islam menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui teks daripada al-Quran, hadith, kitab dan manuskrip sebagai bahan utama dalam soroton literatur dan data dianalisis yang memakan masa yang lama dalam menyiapkan tugas ilmiah, ini menyokong kepada perkembangan perisian analisis kajian sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif atau kualitatif semakin berkembang sejajar dengan perubahan sistem pendidikan dunia.

Namun begitu Syed Najihuddin Syed Hassan et.al (2015) mencadangkan bahawa para ulama dan pakar ICT perlu berganding bahu bagi menjamin khidmat pentakhrijan hadith terutama internet mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan para pengkaji juga disarankan untuk merujuk sumber asal bercetak bagi memastikan keshahihan natijah yang diperoleh.

## KESIMPULAN

Perisian Maktabah Syamilah merupakan salah satu medium atau alat dalam pengajian yang memberi kesan positif dalam pembelajaran hadith sehingga mampu meningkatkan minat dan motivasi kepada para pelajar. Bahkan Yusuf Hashim (1998) menyatakan bahawa atribut inovasi yang mudah diterima juga mempunyai ciri-ciri tertentu antaranya kelebihan relatif di mana bahan yang diperkenalkan itu lebih baik secara relatif dari aspek ekonomi, status sosial, kemudahan dan perasaan

kepuasan, bahkan keserasian wujud antara nilai, pengetahuan, kemahiran sedia ada serta keperluan guru dan pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa inovasi pendidikan pada masa kini bergerak seiring dengan keperluan teknologi ICT sehingga boleh diterima dan dilaksanakan. Namun begitu, kita tidak boleh alpa dan leka, malah perlu sentiasa berusaha melakukan proses pembelajaran atau penyelidikan dengan teliti dan cermat dengan kembali kepada sumber-sumber rujukan yang dipercayai keasliannya. Menurut Mohd Shukri Mohd Senin (2020) menegaskan bahawa faktor kelemahan dan kekurangan ilmu berkaitan hadith dalam kalangan umat Islam mengakibatkan mereka mengambil hadith yang disampaikan tanpa menapis dan meneliti status hadith tersebut.

## RUJUKAN

- Al-Khatib, M. 'A. (1989). *Usul al-Hadith 'Ulumuha wa Mustalahu*. Damsyik: Darul Fikir.
- Al-Maktabah al-Shameela. (t.t). Al-Maktabah al-Shameela. Dicapai dalam <https://shamela.ws/>
- Al-Maktabah Al-Syamilah. (2009). Islamic Library. Dicapai dalam <https://islamiclibrary.wordpress.com/2009/03/01/the-comprehensive-library/>
- Al-Maktabah al-Syamilah. (2020).. Dicapai dalam <https://www.aku.edu/news/pages/new-details>
- Al-Siba'i. M. (2003). *Al-Sunnah wa Makanatuhu fi al-Tasyri' al-Islami*. Beirut: Dar al-Warraq.
- Al-Tahhan. M. (1987). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Riyadh. Al-Maktabah al-'Arabiyyah al-Su'udiyyah.
- Al-Zuhaili, W. (2003). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Minhaj*. Jil.2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Amran, A. H. et.al, (2020), Aplikasi Pengajian Hadith Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia: Tumpuan Terhadap Pembelajaran Murid Sekolah Kebangsaan. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 4 (2 Dec 2020), 76-91.
- Arrifin, O. (2000). Sunnah dan Keunggulan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Asmadi, S. & Mohd Fauzi M. A. 2007. Kepentingan Sanad Dalam Ilmu Hadith Di Era Globalisasi. *Jurnal Ma'alim al-Quran wa Sunnah*. Bil.2. 165-187.
- Asnil, A. R. (2021). *Maktabah Syamilah as an Information Seeking Tool for Higher Education in Islamic Studies*. Library Philosophy and Practice (e-journal). 6196. Dicapai dalam <https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/6196>
- Azizi, Y. et al. (2006). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Teori, Analisis Dan Interpretasi Data.Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Idris, A. (2009). Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Khairul Asyraf, M.N., et.al, (2019). Penggunaan Perisian Atlas.Ti 8 Dan Maktabah Syamilah Dalam Kajian Kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 5(2), 2019 57-67.
- Konting, M.M. 1990. Kaedah Penyelidikan. Cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement. Small-Sample Techniques* (1960). The NEA Research Bulletin, Vol. 38.
- Likert, Rensis. (1932). *A Technique for The Measurement of Attitudes*. New York: New York University.
- Mohd Fauzi, M. A. (2022). Panduan Penyemakan Dan Status Hadith. Kertas kerja dalam Wacana Hadith Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri, Negeri Sembilan Dengan Kerjasama FPQS, USIM Tahun 2022.
- Mohd Shukri, M. S. (2020). Hadith Palsu di Malaysia:Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di dalam Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol. 6(2), 2020. 141-164.
- Riyana Mahtuahmi, (2020). Pemanfaatan Software Maktabah Syamilah dalam Pemenuhan Referensi Mahasiswa Ilmu al-Quran dan Tafsir di Fakultas Ushuluddin dan Filsafat UIN al-Raniry Banda Aceh. Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, UIN al-Raniry Banda Aceh.
- Rosmawati, A. & Mat Zin. (1997). Pengantar Ulum Hadith. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- Ruzita, R., (t.t), Perpustakaan Digital dalam Persekitaran E-Pembelajaran: Pengalaman OUM. Dicapai dalam <http://library.oum.edu.my/repository/357/1/perpustakaan.pdf>
- Syed Najihuddin, S. H. et. al. (2015). Laman Web al-Durar al-Saniyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadith Dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar FPQS, USIM. *Journal Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol.10, No.11. 194-220.
- Yusuf Hashim. (1998). Teknologi Pengajaran. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zawiyah, M.Y., & Masnizah M., (2002). Perpustakaan Digital: Satu Tinjauan ke Atas Definisi Konsep dan Perbandingan Kefahaman di Kalangan Ketua Pustakawan di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa (Teknologi Maklumat)*. Jil 2 Jun 2002. 35-49.